

PT3 Praktis 2: Kata Adjektif

Buku Teks: m.s. 11, 66, 119, 174

Bahagian A**A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.**

- | | |
|--|---|
| <p>1 Meskipun baru berusia empat tahun, anak Puan Jesmin agak _____ bercakap.
 A cepat C petah
 B laju D lancar</p> <p>2 Daging kambing panggang itu tidak dapat dimakan kerana terlalu _____.
 A liat C empuk
 B kental D kejang</p> <p>3 Pihak Kedutaan Malaysia sentiasa berhubung _____ dengan penuntut-penuntut Malaysia di luar negara.
 A rapat C dekat
 B erat D padat</p> | <p>4 Kami terpaksa mendaki bukit dan menuruni lurah yang _____.
 A tinggi C curam
 B landai D rendah</p> <p>5 Hang Tuah dan Hang Jebat menunjukkan gerak yang _____ dalam pertarungan itu.
 A lincah C cemas
 B tangkas D licin</p> <p>6 Datuk sedang menebas rumput-rumpai yang tumbuh _____ di belakang rumah.
 A mekar C lebar
 B luas D liar</p> |
|--|---|

B. Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- | | |
|---|--|
| <p>1 I Perselisihan yang timbul telah <i>buruk</i> hubungan antara kedua-dua pemimpin negara yang sedang bergolak itu.
 II Keadaan ekonomi negara akan bertambah <i>buruk</i> sekiranya pandemik COVID-19 tidak dapat diatasi.
 III Tabiat <i>buruk</i> Haikal menyebabkan dia kurang disenangi rakan-rakannya.
 IV Orang tua itu tinggal di sebuah pondok <i>buruk</i>.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja</p> | <p>2 I Kami menghirup udara yang <i>segar</i> di puncak bukit itu.
 II Sayur-sayuran yang dijual di pasar tani itu sungguh <i>segar</i>.
 III Nasihat yang pernah diberikan kepada saya pada suatu ketika dahulu masih <i>segar</i> dalam ingatan.
 IV Bangunan lama di pekan itu kelihatan <i>segar</i> setelah dicat.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja</p> |
|---|--|

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat *satu kesalahan ejaan*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis* ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Penyakit batuk yang saya hidap sejak bulan lepas telah semboh.

(ii) Zafrul berasa kekuk ketika menghadiri majlis perkahwinan kerabat diraja itu.

(iii) Pemuda itu dikatakan bersikap anih sebelum kehilangannya secara misteri minggu lalu.